

Jumaat – 03 Januari 2020

Halaman : 05

50 pelajar Orang Asli terkandas ke sekolah

Kenderaan pacuan empat roda dinaiki tak dapat lepasi jalan berlumpur

Oleh Ramli Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Gua Musang: Kira-kira 50 pelajar Orang Asli yang menaiki lima kenderaan pacuan empat roda untuk ke sekolah terkandas selama enam jam, berikutan keadaan jalan berlumpur.

Berikut itu, mereka yang tinggal di kampung sekitar Pos Simpor itu gagal hadir ke sekolah menengah pada hari pertama sekolah dibuka kelmarin kerana mereka hanya melepas jalan berlumpur itu jam 7.30 petang.

Mereka ialah pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tengku Indera Petra 1 dan SMK Tengku Indera Petra 2 di bandar ini.

Seorang pelajar Orang Asli, Jali Angah, 16, berkata, dia bersama rakan-rakannya juga terpaksa berjalan kaki lebih tiga kilometer untuk melepas jalan berlumpur itu.

Katanya, selepas itu, mereka



Pelajar Orang Asli terpaksa berjalan kaki untuk melepas jalan berlumpur dan berselut di Pos Simpor, Gua Musang, kelmarin.

[Foto Ramli Ibrahim/BH]

terpaksa menunggu kenderaan pacuan empat roda yang terkandas dalam lumpur dan perlu ditarik dengan kenderaan lain.

“Sepanjang jalan untuk ke sekolah itu, terdapat empat kawasan yang mengalami kerosakan teruk sehingga kenderaan terbaik gagal mengharungi lumpur.

“Kami rasa takut ketika berada

dalam kenderaan yang terpaksa mengharungi jalan berlumpur dan rosak teruk itu, tetapi mujur akhirnya sampai ke sekolah,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Kelantan/Terengganu, Haslim Alang Abdul Hamid, ketika dihubungi mengesahkan keadaan jalan yang rosak teruk itu.

Beliau berkata, bukan sahaja jalan yang menghubungi Pos Simpor ke bandar ini rosak tetapi beberapa pos lain juga berdepan masalah sama.

“Kita mengharapkan kontraktor yang dilantik untuk membawa keluar pelajar Orang Asli menjaga keselamatan mereka,” katanya.